

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO'  
AZUMU [ TAMBUN ]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dalam konteks pembangunan semula sekolah daif, risiko berlakunya kemalangan bagi sekolah yang uzur, melebihi usia 20 tahun, akibat masalah pendawaian elektrik, struktur sekolah daripada kayu dan kemudahan yang usang adalah tinggi. Isu keselamatan seharusnya mendapat perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memerlukan mereka mengambil tindakan segera bagi menjamin tahap keselamatan pelajar. Minta Kementerian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi isu ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan terus memberi perhatian kepada usaha menyediakan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah yang dapat berfungsi dengan baik, untuk semua sekolah di seluruh negara. Ini adalah penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam keadaan selamat di sekolah.

KPM juga sentiasa memantau keadaan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah, melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Dalam hal ini, KPM mempunyai maklumat perincian mengenai fizikal komponen atau fasiliti bangunan di sekolah yang tidak sempurna, tidak berfungsi dan tidak selamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2019, KPM melaksanakan analisis skor gred impak sebagai penambahbaikan bagi menentukan tahap keadaan fizikal komponen atau fasiliti bangunan sekolah daif. Skor ini mempunyai 7 tahap, di mana tahap 6 adalah bangunan yang tidak selamat dengan pengesahan daripada JPN dan PPD. Manakala, tahap 7 adalah bangunan yang tidak selamat dengan pengesahan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR). Melalui penilaian ini, KPM dapat menentukan keutamaan untuk melaksanakan projek pembangunan semula atau menaik taraf bangunan sekolah yang tidak selamat digunakan.

Antara langkah yang diambil oleh KPM bagi menangani isu bangunan daif di sekolah adalah seperti berikut:

1. melakukan penyelenggaraan segera bagi bangunan sekolah yang mempunyai keperluan kritikal untuk pembaikan; dan
2. menaik taraf kemudahan infrastruktur dan menggantikan bangunan sekolah yang daif dan disahkan tidak selamat oleh pihak teknikal dengan bangunan baharu.

Pihak sekolah boleh melaporkan sebarang kerosakan bangunan di sekolah kepada JPN masing-masing untuk diambil tindakan. Pihak sekolah juga boleh melaporkan kerosakan yang memerlukan tindakan pembaikan serta-merta secara terus kepada JKR Negeri atau Daerah. Kerosakan tersebut adalah yang melibatkan bekalan elektrik terputus, pembaikan peralatan elektrik, kerosakan melibatkan runtuh struktur, mendapan dan runtuh tanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa bekerjasama rapat dengan JKR untuk memeriksa tahap keselamatan bangunan di semua sekolah. Pada masa kini, JKR Malaysia sedang menjalankan audit pendawaian elektrik ke atas 3,881 blok yang berusia lebih 50 tahun di 1,416 buah sekolah di seluruh Malaysia. Pemeriksaan yang sedang dilaksanakan oleh JKR Malaysia adalah pemeriksaan keadaan pendawaian elektrik di blok yang terlibat sahaja.

Secara keseluruhan, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke -11 (RMKe-11), iaitu bagi tahun 2016 sehingga tahun 2020, sejumlah RM3.055 billion telah diluluskan untuk projek naik taraf dan pembangunan semula bagi 773 buah sekolah daif di seluruh negara. Peruntukan ini digunakan untuk menaik taraf atau membina semula bilik darjah, asrama, bangunan pentadbiran dan kemudahan lain.

Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM415.0 juta adalah untuk menaik taraf dan pembangunan semula 245 buah sekolah di Semenanjung Malaysia. Sejumlah RM1.388 bilion lagi untuk naik taraf dan pembangunan semula 291 buah sekolah di Sarawak manakala baki RM1.252 bilion adalah untuk naik taraf dan pembangunan semula 237 buah sekolah di Sabah.

KPM akan terus bekerjasama rapat dengan JKR Malaysia, JKR Sarawak, JKR Sabah, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek yang telah dirancang.

Sekian, terima kasih.